

**ANALISIS SEJARAH FONOLOGI DAN  
PENGELOMPOKAN DIALEK MELAYU HULU DI  
BAHAGIAN TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA**

**MOHD TARMIZI HASRAH**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2018**

**ANALISIS SEJARAH FONOLOGI DAN  
PENGELOMPOKAN DIALEK MELAYU HULU DI  
BAHAGIAN TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA**

oleh

**MOHD TARMIZI HASRAH**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Januari 2018**

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah, Tuhan Yang Maha Pemurah dan Yang Maha Mengasihani, serta Tuhan Yang Mentadbir semesta semua, seluruh puji dan syukur hanya tertuju kepada-Nya semata kerana limpah dan kesegaraan rahmat-Nya kajian ini berjaya disudahkan setelah tiga tahun bergelumbang dengan perit jerih.

Untuk itu, ucapan terima kasih yang tidak terpemanai diberikan kepada Profesor Dr. Noriah Mohamed. Beliau, yang selama tiga tahun ini, bahkan sebelum itu lagi, iaitu sebelum pengkaji mendaftar secara rasmi di Universiti Sains Malaysia, tanpa jemu, tanpa penat lelah, terus-menerus menegur, memberi tunjuk ajar dan membimbing pengkaji sehingga hasil kajian ini dapat dibubuh sebuah noktah di akhirnya. Kegigihan itu, Prof., memang wajar dikagumi dan dicontohi. Tentunya pengkaji kagum dengan kesabaran Prof. mencoretkan tanda merah hampir di setiap helaian muka surat tesis ini bagi memastikan kesempurnaan hasilnya.

Buat komiti viva, iaitu Dr. Tajul, Dr. Syed dan Dr. Paitoon, setinggi-tinggi penghargaan saya titipkan atas komentar dan cadangan, serta, yang paling pentingnya, keputusan. Ucapan terima kasih tertuju juga kepada En. Ajid Che Kob, guru, sahabat dan mantan pensyarah dialektologi di Universiti Kebangsaan Malaysia. Jikalau direnung, saripati kajian ini secara asasnya terbina daripada idea beliau yang dilontarkan ketika perbincangan panjang lebar antara kami berdua semasa di Universiti Kebangsaan Malaysia dahulu.

Turut diingati ialah teman-teman yang terlibat dengan projek penyelidikan dialek Hulu Tembeling terutamanya Dr. Shahidi. Terima kasih atas perkongsian maklumat, idea serta dana ketika menjalankan kajian lapangan di Kampung Bantal pada tahun 2010 dahulu. Juga buat Karl Anderbeck kerana sudi berkongsi beberapa rujukan penting mengenai “*Semenanjung Malayic*”. Terima kasih.

Kepada para informan di Hulu Pahang, di Hulu Kelantan, di Hulu Terengganu dan di Hulu Tembeling, pengkaji dengan rendah diri mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga atas layanan yang diberikan sepanjang pengkaji menemu bual saudara semua. Tanpa saudara semua, kajian ini sudah tentu hanya beruang dalam bayangan indah akali pengkaji, yakni sebuah bayangan yang hanya mampu membuatkan pengkaji tersenyum tetapi pastinya akan disertai kekecewaan seluas segala.

Yang terakhir ini rasanya merupakan sesuatu yang tersangat khas dan peribadi. Buat Nur Syuhada, teman sehidup dan teman semati, terima kasih kerana kesudianmu untuk tetap berdamping ketika semangat bergoncang deras di atas labirin hidup, ketika akal terus menerus berperang bagi menegakkan sempadan tegas antara hitam dengan putih dan ketika hati tersesat dalam kegelitaan malam – tersesat mencari cahaya, lalu hati berkata gusar dan resah, di mana oh di manakah jalan kembali. Juga, buat Nur Ayra Faqihah. Dia yang pertama kali memandang dunia ketika kajian ini sedang bergulat dengan noktah akhir. Benar, hadirnya bersama getar cinta yang tiada akan kuncup. Insha Allah!

Mohd Tarmizi Hasrah  
Changlun/Budu

## KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Kandungan	iii
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xix
Senarai Peta	xx
Senarai Singkatan	xxi
Senarai Lambang	xxii
Abstrak	xxv
Abstract	xxviii

### **BAB 1 – PENGENALAN**

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Permasalahan Kajian	8
1.3	Objektif Kajian	16
1.4	Persoalan Kajian	17
1.5	Kepentingan Kajian	18
1.6	Batasan Kajian	22
1.7	Sorotan Kajian	23
1.7.1	Kajian Umum Gejala Inovatif dan Konservatif	23
1.7.2	Dialek Melayu di Lembangan Sungai Pahang	31
1.7.3	Dialek Melayu di Lembangan Sungai Kelantan	38
1.7.4	Dialek Melayu di Lembangan Sungai Terengganu	43
1.7.5	Rumusan Sorotan Kajian	47

1.8	Definisi Istilah	48
1.9	Rumusan	53
<b>BAB 2 – LANDASAN TEORI, KERANGKA TEORETIS</b>		
<b>DAN KAEDAH ANALISIS</b>		
2.0	Pendahuluan	54
2.1	Latar Belakang Teoretis	54
2.2	Teori Pemerian Fonologi	58
	2.2.1 Konsonan dan Vokal	63
2.3	Rekonstruksi Dalaman	67
	2.3.1 Penentuan Kata Kognat	69
	2.3.2 Kesepadanan Bunyi	70
	2.3.3 Penentuan Fonem Purba	71
2.4	Perubahan Bunyi	75
	2.4.1 Prinsip Keseragaman	78
	2.4.2 Kenalaran Perubahan Bunyi	80
	2.4.3 Jenis Perubahan Bunyi	84
	2.4.4 Inovasi dan Retensi	91
2.5	Membina Hubungan Dialek	93
	2.5.1 Pengelompokan Bahasa Secara Umum	95
	2.5.2 Pengelompokan Dialek	96
	2.5.3 Kaedah Pengelompokan	97
	2.5.4 Model Pengelompokan: Rajah Pohon	100
2.6	Kerangka Teoretis Kajian	105
2.7	Rumusan	107

### **BAB 3 – METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pendahuluan	109
3.1	Kajian Kepustakaan	109
3.2	Kajian Lapangan	111
3.2.1	Kawasan Kajian	112
3.2.2	Kerencaman	115
3.2.3	Informan	121
3.2.4	Kriteria Pemilihan Informan	123
3.2.5	Kaedah Pengumpulan Data	124
3.3	Transkripsi dan Rakaman	132
3.4	Kerangka Konseptual Kajian	133
3.5	Rumusan	135

### **BAB 4 – PEMERIAN FONEM DIALEK MELAYU HULU**

4.0	Pendahuluan	136
4.1	Inventori Fonem dan Fonotaktik Dialek Melayu Hulu Pahang	137
4.1.1	Struktur Suku Kata	141
4.1.2	Konsonan	145
4.1.3	Vokal	149
4.1.4	Pemonoftongan dan Geluncuran	164
4.2	Inventori Fonem dan Fonotaktik Dialek Melayu Hulu Kelantan	165
4.2.1	Struktur Suku Kata	167
4.2.2	Konsonan	169
4.2.3	Vokal	173

4.2.4	Pemonoftongan dan Geluncuran	180
4.3	Inventori Fonem dan Fonotaktik Dialek Melayu	
	Hulu Terengganu	181
4.3.1	Struktur Suku Kata	182
4.3.2	Konsonan	184
4.3.3	Vokal	186
4.3.4	Pemonoftongan dan Geluncuran	191
4.4	Inventori Fonem dan Fonotaktik Dialek Melayu	
	Hulu Tembeling	193
4.4.1	Struktur Suku Kata	194
4.4.2	Konsonan	196
4.4.3	Vokal	199
4.4.4	Pemonoftongan dan Geluncuran	206
4.5	Rumusan	207

## **BAB 5 – REKONSTRUKSI DIALEK HULU SEMENANJUNG**

### **TIMUR PURBA**

5.0	Pendahuluan	208
5.1	Bahasa Melayu Purba	209
5.1.1	Fonem Bahasa Melayu Induk	215
5.1.2	Fonem Bahasa Melayik Purba	216
5.1.3	Fonem Bahasa Melayu Induk dan Bahasa Melayik Purba	217
5.1.4	Bahasa Melayu Induk atau Bahasa Melayik Purba?	229

5.2	Refleks Fonem Bahasa Melayu Purba	231
5.3	Rekonstruksi Dialek Hulu Semenanjung Timur Purba	233
5.3.1	Rekonstruksi Konsonan	237
5.3.2	Rekonstruksi Vokal	252
5.3.3	Rekonstruksi Diftong	256
5.4	Rumusan	258

## **BAB 6 – PROSES FONOLOGI DIALEK MELAYU HULU**

6.0	Pendahuluan	260
6.1	Perkembangan Sistem Fonologi Bahasa Melayu Purba	261
6.1.1	Konsonan	263
6.1.2	Vokal	269
6.1.3	Inovasi Fonologi Dialek Hulu Semenanjung Timur Purba	270
6.2	Perkembangan Sistem Fonologi Dialek Hulu Semenanjung Timur Purba	271
6.2.1	Konsonan	271
6.2.2	Vokal	305
6.3	Rumusan	332

## **BAB 7 – PENGELOMPOKAN DIALEK MELAYU DI SEMENANJUNG TIMUR**

7.0	Pendahuluan	333
7.1	Dialek Hulu dan Dialek Hilir	333



7.1.1	Dialek Melayu Hulu Pahang dan Dialek Melayu Pahang	335
7.1.2	Dialek Melayu Hulu Kelantan dan Dialek Melayu Kelantan	353
7.1.3	Dialek Melayu Hulu Terengganu dan Dialek Melayu Terengganu	361
7.2	Persamaan dan Perbezaan Dialek-Dialek Hulu	369
7.2.1	Sistem Konsonan	370
7.2.2	Sistem Vokal	371
7.2.3	Sistem Diftong	371
7.2.4	Persamaan dan Perbezaan yang Terperinci	372
7.3	Pengelompokan Semula	379
7.4	Perbandingan dengan Pengelompokan Sedia Ada	389
7.5	Konservatif Lawan Inovatif	399
7.6	Rumusan	404
 <b>BAB 8 – PENUTUP</b>		
8.0	Pendahuluan	405
8.1	Rumusan Kajian	405
8.2	Dapatan Kajian	413
8.3	Masalah yang Perlu Diberi Perhatian Khusus	418
8.4	Cadangan Untuk Kajian Mendatang	423
8.5	Rumusan	426

<b>BIBLIOGRAFI</b>	427
<b>LAMPIRAN</b>	442

## SENARAI JADUAL

	<b>Muka Surat</b>	
Jadual 2.1	Daftar kata empat bahasa Polinesia	70
Jadual 2.2	Penyatuan yang menghasilkan segmen baharu	85
Jadual 2.3	Penyatuan ke dalam segmen asal	85
Jadual 2.4	Pengguguran dalam dialek-dialek Melayu	87
Jadual 3.1	Kampung kajian	121
Jadual 3.2	Taburan informan	123
Jadual 4.1	Inventori konsonan dialek Melayu Hulu Pahang	146
Jadual 4.2	Rangkuman penyebaran konsonan dialek Melayu Hulu Pahang	149
Jadual 4.3	Inventori vokal dialek Melayu Hulu Pahang	149
Jadual 4.4	Realisasi /i/ dalam suku kata praakhir terbuka	151
Jadual 4.5	Realisasi /i/ dalam suku kata praakhir tertutup	151
Jadual 4.6	Realisasi /i/ dalam suku kata akhir terbuka dan tertutup	151
Jadual 4.7	Contoh kehadiran /i/ dalam suku kata akhir tertutup	152
Jadual 4.8	Realisasi /e/ dalam suku kata akhir terbuka dan tertutup	152
Jadual 4.9	Contoh kehadiran /e/ dalam suku kata akhir terbuka dan tertutup	153
Jadual 4.10	Contoh kehadiran /ɛ/ dalam suku kata akhir terbuka dan tertutup	153
Jadual 4.11	Alofon /a/ dalam suku kata akhir	155
Jadual 4.12	Contoh kehadiran alofon /a/ dalam suku kata akhir	157

Jadual 4.13	Alofon /u/ dalam suku kata akhir	159
Jadual 4.14	Contoh kehadiran alofon /u/ dalam suku kata akhir	161
Jadual 4.15	Realisasi /o/ dalam suku kata akhir	162
Jadual 4.16	Contoh kehadiran /o/ dalam suku kata akhir tertutup	162
Jadual 4.17	Contoh kehadiran /ɔ/ dalam suku kata praakhir terbuka dan tertutup	163
Jadual 4.18	Rangkuman penyebaran vokal dialek Melayu Hulu Pahang	164
Jadual 4.19	Pemonoftongan diftong dialek Melayu Hulu Pahang	164
Jadual 4.20	Geluncuran akhir dialek Melayu Hulu Pahang	165
Jadual 4.21	Inventori konsonan dialek Melayu Hulu Kelantan	170
Jadual 4.22	Rangkuman penyebaran konsonan dialek Melayu Hulu Kelantan	173
Jadual 4.23	Inventori vokal dialek Melayu Hulu Kelantan	173
Jadual 4.24	Alofon /i/ dalam suku kata praakhir terbuka	175
Jadual 4.25	Alofon /i/ dalam suku kata akhir tertutup	176
Jadual 4.26	Alofon /u/ dalam suku kata praakhir terbuka (awal kata)	178
Jadual 4.27	Alofon /u/ dalam suku kata praakhir terbuka (selepas konsonan awal)	178
Jadual 4.28	Alofon /u/ dalam suku kata akhir tertutup	179
Jadual 4.29	Rangkuman penyebaran vokal dialek Melayu Hulu Kelantan	179
Jadual 4.30	Inventori konsonan dialek Melayu Hulu Terengganu	184

Jadual 4.31	Rangkuman penyebaran konsonan dialek Melayu Hulu Terengganu	186
Jadual 4.32	Inventori vokal dialek Melayu Hulu Terengganu	186
Jadual 4.33	Geluncuran /u/ dalam suku kata akhir terbuka dan tertutup di Kampung Dusan dan Kampung Buluh	190
Jadual 4.34	Rangkuman penyebaran vokal dialek Melayu Hulu Terengganu	191
Jadual 4.35	Pemonoftongan dialek Melayu Hulu Terengganu	191
Jadual 4.36	Pemonoftongan diftong di Kampung Dusun	192
Jadual 4.37	Inventori konsonan dialek Melayu Hulu Tembeling	197
Jadual 4.38	Rangkuman penyebaran konsonan dialek Melayu Hulu Tembeling	199
Jadual 4.39	Inventori vokal dialek Melayu Hulu Tembeling	200
Jadual 4.40	Alofon /i/ dalam lingkungan -NiK	201
Jadual 4.41	Alofon /i/ dalam lingkungan lain	203
Jadual 4.42	Rangkuman penyebaran vokal dialek Melayu Hulu Tembeling	206
Jadual 5.1	Inventori konsonan bahasa Melayu induk	216
Jadual 5.2	Inventori vokal bahasa Melayu induk	216
Jadual 5.3	Inventori konsonan bahasa Melayik purba	217
Jadual 5.4	Inventori vokal bahasa Melayik purba	217
Jadual 5.5	Konsonan bahasa Melayu induk dan bahasa Melayik purba	218
Jadual 5.6	Vokal bahasa Melayu induk dan bahasa Melayik purba	218

Jadual 5.7	Diftong bahasa Melayu induk dan bahasa Melayik purba	219
Jadual 5.8	Inventori konsonan bahasa Melayu purba	231
Jadual 5.9	Inventori vokal bahasa Melayu purba	231
Jadual 5.10	Refleks konsonan bahasa Melayu purba dalam dialek Melayu hulu	232
Jadual 5.11	Refleks vokal bahasa Melayu purba dalam dialek Melayu hulu	232
Jadual 5.12	Refleks diftong bahasa Melayu purba dalam dialek Melayu hulu	232
Jadual 5.13	Penyebaran konsonan dialek-dialek Melayu hulu	237
Jadual 5.14	Kesepadanan bunyi	238
Jadual 5.15	Konsonan letupan dialek hulu Semenanjung Timur purba	241
Jadual 5.16	Konsonan nasal dialek hulu Semenanjung Timur purba	243
Jadual 5.17	Konsonan geseran dialek hulu Semenanjung Timur purba	245
Jadual 5.18	Konsonan sisian dialek hulu Semenanjung Timur purba	246
Jadual 5.19	Konsonan letusan dialek hulu Semenanjung Timur purba	247
Jadual 5.20	Separuh vokal dialek hulu Semenanjung Timur purba	248
Jadual 5.21	Nasal homorgan dialek hulu Semenanjung Timur purba	250

Jadual 5.22	Inventori konsonan dialek hulu Semenanjung Timur purba	251
Jadual 5.23	Penyebaran konsonan dialek hulu Semenanjung Timur purba	251
Jadual 5.24	Penyebaran vokal dialek Melayu hulu	253
Jadual 5.25	Inventori vokal dialek hulu Semenanjung Timur purba	254
Jadual 5.26	Kesepadanan vokal DHSTP**i	254
Jadual 5.27	Kesepadanan vokal DHSTP**a	255
Jadual 5.28	Kesepadanan vokal DHSTP**ə	255
Jadual 5.29	Kesepadanan vokal DHSTP**u	256
Jadual 5.30	Kesepadanan diftong dialek hulu Semenanjung Timur purba	230
Jadual 6.1	Refleks konsonan bahasa Melayu purba dalam dialek hulu Semenanjung Timur purba	262
Jadual 6.2	Refleks vokal bahasa Melayu purba dalam dialek hulu Semenanjung Timur purba	262
Jadual 6.3	Refleks konsonan letupan bahasa Melayu purba dalam dialek hulu Semenanjung Timur purba	263
Jadual 6.4	Refleks konsonan geseran bahasa Melayu purba dalam dialek hulu Semenanjung Timur purba	264
Jadual 6.5	Refleks konsonan nasal bahasa Melayu purba dalam dialek hulu Semenanjung Timur purba	267
Jadual 6.6	Refleks konsonan sisian bahasa Melayu purba dalam dialek hulu Semenanjung Timur purba	267

Jadual 6.7	Refleks konsonan letusan bahasa Melayu purba dalam dialek hulu Semenanjung Timur purba	268
Jadual 6.8	Refleks separuh vokal bahasa Melayu purba dalam dialek hulu Semenanjung Timur purba	268
Jadual 6.9	Refleks vokal bahasa Melayu purba *a dan *ə dalam dialek hulu Semenanjung Timur purba	270
Jadual 6.10	Perkembangan konsonan dialek hulu Semenanjung Timur purba dalam dialek hulu semasa	272
Jadual 6.11	Refleks konsonan letupan akhir dialek hulu Semenanjung Timur purba	272
Jadual 6.12	Refleks konsonan DHSTP **y akhir	273
Jadual 6.13	Refleks konsonan DHSTP **s akhir	275
Jadual 6.14	Contoh pengguguran dan pengekaln DHSTP **h di posisi antara vokal	276
Jadual 6.15	Refleks konsonan nasal dialek hulu Semenanjung Timur purba	276
Jadual 6.16	Refleks nasal DHSTP **ŋ akhir	280
Jadual 6.17	Nasal akhir dialek hulu Semenanjung Timur purba dalam dialek Melayu Hulu Terengganu	283
Jadual 6.18	Pemanjangan segmen bunyi akhir di Hulu Pahang	285
Jadual 6.19	Pemanjangan vokal di Beralas dan Sentang	286
Jadual 6.20	Perbandingan nasal homorgan akhir kata di Hulu Tembeling	290
Jadual 6.21	Perbandingan refleks nasal akhir kata bahasa Melayu purba di Hulu Tembeling	294



Jadual 6.22	Refleks DHSTP **ŋ akhir kata di Hulu Tembeling	295
Jadual 6.23	Refleks nasal homorgan dialek hulu Semenanjung Timur purba	298
Jadual 6.24	Refleks nasal homorgan dalam varian Budu	300
Jadual 6.25	Pengekalan nasal homorgan dalam varian Budu	301
Jadual 6.26	Perbezaan struktur nasal homorgan dalam dialek-dialek hulu Semenanjung Timur	301
Jadual 6.27	Contoh kehadiran nasal homorgan di Semenanjung Timur	302
Jadual 6.28	Refleks konsonan letusan dialek hulu Semenanjung Timur purba	303
Jadual 6.29	Konsonan DHSTP **l dalam dialek Melayu Hulu Kelantan dan dialek Melayu Hulu Terengganu	304
Jadual 6.30	Retensi konsonan sisian dialek hulu Semenanjung Timur purba	304
Jadual 6.31	Refleks separuh vokal dialek hulu Semenanjung Timur purba	305
Jadual 6.32	Perkembangan vokal dialek hulu Semenanjung Timur purba	306
Jadual 6.33	Perkembangan vokal dialek hulu Semenanjung Timur purba	306
Jadual 6.34	Refleks DHSTP **i, **a dan **u sebelum **p	308
Jadual 6.35	Refleks DHSTP **i, **a dan **u sebelum **t	308
Jadual 6.36	Refleks DHSTP **i, **a dan **u sebelum **k	309
Jadual 6.37	Refleks DHSTP **i, **a dan **u sebelum **s	312
Jadual 6.38	Refleks DHSTP **i, **a dan **u sebelum **y	312

Jadual 6.39	Refleks DHSTP **i, **a dan **u sebelum **h	312
Jadual 6.40	Refleks DHSTP **i, **a dan **u sebelum **ŋ (< BMP *m dan *n)	315
Jadual 6.41	Refleks DHSTP **i, **a dan **u sebelum **ŋ (< BMP *ŋ)	316
Jadual 6.42	Refleks DHSTP **i, **a dan **u di dalam suku kata akhir terbuka	323
Jadual 6.43	Contoh kehadiran refleks DHSTP **i, **a dan **u dalam beberapa varian dialek hulu Semenanjung Timur	323
Jadual 6.44	Geluncuran vokal tinggi akhir di Semenanjung Timur	325
Jadual 6.45	Pendiftongan dalam varian lain di Hulu Terengganu	327
Jadual 6.46	Pendiftongan lanjutan di Hulu Terengganu	329
Jadual 6.43	Refleks DHSTP **a di akhir kata	330
Jadual 7.1	Vokal /a/ sebelum konsonan nasal di Temerloh	337
Jadual 7.2	Vokal tinggi sebelum konsonan nasal di Temerloh	338
Jadual 7.3	Vokal sebelum konsonan letupan di Temerloh	339
Jadual 7.4	Vokal /a/ sebelum konsonan geseran di Temerloh	340
Jadual 7.5	Vokal /a/ sebelum konsonan nasal di Hulu Pahang	342
Jadual 7.6	Dua realisasi /u/ di Hillir dan Hulu Pahang	349
Jadual 7.7	Penasalan vokal /a/ di Pahang	350
Jadual 7.8	Perbezaan realisasi nasal akhir di lembangan Sungai Pahang	352
Jadual 7.9	Vokal tinggi suku kata praakhir di lembangan Sungai Pahang	353
Jadual 7.10	Kosa kata khas dialek Melayu Hulu Kelantan	361

Jadual 7.11	Penambahan konsonan nasal akhir di Hulu Terengganu	368
Jadual 7.12	Penambahan konsonan hentian akhir di Hulu Terengganu	369
Jadual 7.13	Refleks diftong	371
Jadual 7.14	Vokal dan nasal akhir	373
Jadual 7.15	Vokal dan konsonan letupan akhir	375
Jadual 7.16	Vokal dengan konsonan geseran akhir	377
Jadual 7.17	Vokal dengan konsonan sisian akhir	378

## SENARAI RAJAH

		<b>Muka Surat</b>
Rajah 1.1	Andaian hubungan dialek-dialek hulu	15
Rajah 2.1	Penyatuan segmen	86
Rajah 2.2	Pemecahan fonemik	86
Rajah 2.3	Inovasi yang menghasilkan bahasa B dan C	101
Rajah 2.4	Hubungan bahasa serumpun	102
Rajah 2.5	Kerangka teoretis	106
Rajah 3.1	Kerangka konseptual kajian	134
Rajah 5.1	Salasilah dialek-dialek di Semenanjung Timur	236
Rajah 6.1	Penyatuan BMP *a dan *ə	270
Rajah 7.1	Pengelompokan dialek hulu dan hilir	380
Rajah 7.2	Pengelompokan dialek Melayu hulu	382

## SENARAI PETA

### Muka Surat

Peta 7.1 Sungai utama di Semenanjung Timur

395

## SENARAI SINGKATAN

DHSTP	Dialek Hulu Semenanjung Timur Purba
BM	Bahasa Melayu Baku
BMP	Bahasa Melayu Purba
BMI	Bahasa Melayu Induk
MP	Bahasa Melayik Purba
CST	Cabang Semenanjung Timur
DMHP	Dialek Melayu Hulu Pahang
DMHK	Dialek Melayu Hulu Kelantan
DMHTrg	Dialek Melayu Hulu Terengganu
DMHTbg	Dialek Melayu Hulu Tembeling
Bs.	Bersuara
Tbs.	Tidak bersuara
K	Konsonan
V	Vokal
N	Nasal
G	Geluncuran

## SENARAI LAMBANG

- [ ] Kurung siku mengapit unsur fonetik
- // Kurung miring mengapit unsur fonem
- / Di lingkungan
- Slot kehadiran sesebuah fonem
- > Bentuk berubah menjadi (merujuk kepada perubahan diakronik)
- < Bentuk berkembang daripada (diakronik)
- Berubah kepada (merujuk kepada perubahan sinkronik)
- # Sempadan sesebuah segmen
- \* Asterik, melambangkan bentuk purba
- \*\* Asterik ganda, melambangkan bentuk purba yang lebih baharu daripada bahasa purba
- F Lingkungan awal fonem (F)
- F- Di antara dua buah fonem (F)
- F- Lingkungan akhir fonem (F)
- F<sup>f</sup> Fonem yang mengalami pelemahan
- V<sup>w/y</sup> Pendiftongan akhir
- ∅ Bentuk zero, melambangkan segmen yang digugurkan, lenyap atau hilang
- ∨̇ Unsur nasal atau segmen yang mengalami penasalan
- ~ Bermaksud kesejajaran ataupun variasi bebas
- [:] Merujuk kepada segmen bunyi yang mengalami pemanjangan
- + Kewujudan sesuatu unsur
- Ketiadaan sesuatu unsur

## LAMBANG FONETIK

p	Konsonan letupan bibir tidak bersuara
b	Konsonan letupan bibir bersuara
t	Konsonan letupan gigi-gusi tidak bersuara
d	Konsonan letupan gigi-gusi bersuara
k	Konsonan letupan langit lembut tidak bersuara
g	Konsonan letupan langit lembut bersuara
ʔ	Konsonan hentian glotis atau anak tekak
s	Konsonan geseran gigi-gusi tidak bersuara
ç	Konsonan geseran langit keras
ɣ	Konsonan geseran langit lembut bersuara
h	Konsonan geseran anak tekak
ɸ	Konsonan geseran anak tekak
c (tʃ)	Konsonan letusan langit keras tidak bersuara
j (dʒ)	Konsonan letusan langit keras bersuara
l	Konsonan sisian
ɭ	Konsonan geseran sisian langit keras tidak bersuara
m	Konsonan nasal bibir
n	Konsonan nasal gigi-gusi
ɳ	Konsonan nasal gigi-gusi yang tidak disuarakan
ɲ	Konsonan nasal langit keras
ŋ	Konsonan nasal langit lembut
w	Separuh vokal bibir
y (j)	Separuh vokal langit keras



- i Vokal depan tinggi hampar
- e Vokal depan separuh tinggi hampar
- ɛ Vokal depan separuh rendah hampar
- æ Vokal depan rendah hampar
- a Vokal tengah rendah hampar
- ɐ Vokal tengah separuh rendah tidak bundar
- ə Vokal tengah madya neutral
- ɨ Vokal tengah tinggi neutral
- u Vokal belakang tinggi bundar
- o Vokal belakang separuh tinggi bundar
- ɔ Vokal belakang separuh rendah bundar
- ɑ Vokal belakang rendah tidak bundar
- ʌ Vokal belakang separuh rendah tidak bundar

**ANALISIS SEJARAH FONOLOGI DAN PENGELOMPOKAN DIALEK  
MELAYU HULU DI BAHAGIAN TIMUR  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**ABSTRAK**

Kajian ini meneliti pertalian sejarah dialek Melayu Hulu Pahang, dialek Melayu Hulu Kelantan, dialek Melayu Hulu Terengganu dan dialek Melayu Hulu Tembeling. Dua persoalan utama yang mendorong kajian ini ialah isu-isu mengenai perkembangan fonologi dan pengelompokan dalaman dialek-dialek tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk memerikan sistem fonologi, merekonstruksi fonologi dialek induk, menghuraikan proses fonologi selain menentukan inovasi bersama dan retensi untuk tujuan pengelompokan dalaman. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menerapkan empat teori yang saling berkaitan, iaitu teori pemerian sistem fonem, teori rekonstruksi, teori perubahan bunyi dan teori pengelompokan. Hasil pemerian fonem mendapati setiap dialek Melayu hulu memiliki ciri khas yang membezakannya daripada dialek-dialek Melayu di kawasan hilir. Kewujudan ciri khas mengesahkan andaian bahawa semua dialek Melayu hulu diturunkan daripada sebuah dialek purba yang dikenali sebagai dialek Hulu Semenanjung Timur purba. Hasil rekonstruksi menunjukkan dialek purba tersebut dicirikan oleh dua inovasi khas daripada bahasa Melayu purba, iaitu penyatuan konsonan nasal akhir \*m, \*n, \*ŋ > \*\*ŋ dan retensi sistem vokal purba \*\*i, \*\*a, \*\*ə, \*\*u. Hubungan dialek-dialek Melayu hulu diserlahkan menerusi gejala inovasi dan retensi ciri dialek purba tersebut selain beberapa perbezaan fonetik dan fonologi. Hasil pengelompokan mendapati adanya dua kelompok dialek Melayu hulu. Dialek Melayu Hulu Pahang,

yang menggugurkan konsonan nasal velar akhir dalam lingkungan fonetik tertentu dan dalam beberapa varian tertentu, berada dalam satu kelompok. Tiga dialek lainnya, iaitu dialek Melayu Hulu Terenggau dan dialek Melayu Hulu Kelantan yang mengekalkan nasal velar akhir, serta dialek Melayu Hulu Tembeling yang mengubah nasal velar akhir kepada hentian glotis menerusi proses fonologi yang regular, berada dalam kelompok yang satu lagi. Adanya dua kelompok dialek Melayu hulu membolehkan penentuan dialek inovatif dan dialek konservatif. Dialek Melayu Hulu Pahang lebih inovatif dalam sistem vokal dan pengguguran nasal velar akhir berbanding dengan tiga dialek lainnya yang konservatif kerana meretensikan kedua-dua ciri dialek purba; sedangkan dialek Melayu Hulu Terengganu lebih inovatif dalam gejala pendiftongan lanjutan vokal tinggi akhir berbanding dengan tiga dialek lainnya yang konservatif kerana sekadar menunjukkan gejala pendiftongan. Keseluruhan dapatan kajian ini ternyata telah menghadirkan sedikit kesegaran dalam kajian dialek Melayu. Hal ini menunjukkan betapa perlunya dilakukan penelitian berskala besar dan menyeluruh bagi memahami gejala penyebaran dialek Melayu di Semenanjung dan hubungannya dengan dialek dan bahasa yang lebih purba agar misteri keberadaan penuturnya di Semenanjung terjawab.

**AN ANALYSIS OF HISTORICAL PHONOLOGY AND SUBGROUPING OF  
THE MALAY UPSTREAM DIALECTS IN EASTERN PART OF  
THE MALAY PENINSULA**

**ABSTRACT**

This research investigates the Malay dialects of Upper Pahang, Upper Kelantan, Upper Terengganu and Upper Tembeling. The two foregrounding issues of the study are the phonological evolution underlying the present dialects and the relationship between them. The objectives of the study are to describe phonological system, to reconstruct proto dialect, to explain phonological processes and to determine shared innovations and retentions for internal subgrouping. In order to achieve the objectives, this study opted for four different yet related theories, namely theory of phoneme description, theory of reconstruction, theory of sound change, and also theory of subgrouping. The results of phoneme description reveal that each upstream Malay dialect has its salient features, which are different from dialects in the downstream area. These salient features confirm the assumption that all upstream Malay dialects are originated from a proto dialect known as *dialek hulu Semenanjung Timur purba*. The analysis of reconstruction shows that the proto dialect is characterized by two features: final velar nasal merger, \*m, \*n, \*ŋ > \*\*ŋ and the retention of \*\*i, \*\*a, \*\*ə, \*\*u. The relationship between the upper dialects was also salient through the phonetic and phonological phenomena. For this reason, the study found the presence of two groups of dialects in the East Peninsula Branch, which were the Upper Pahang dialect in one branch, and three other dialects in another. The presence of the two dialect branches such as this enabled the determination of

whether one was innovative or conservative in nature. The study subsequently found that the Malay dialect of Upper Pahang was more innovative against the other three dialects in the vowel system; while the Upper Terengganu dialect was more innovative compared to the other three in the aspect of diphthongization in the final position. It is clear that the discovery such as this puts forth a refreshing quality in the Malay dialect studies. This in turn shows the need for large-scale and extensive research to be conducted to better understand the distribution and relationship between the Malay dialects in the Peninsula and its proto dialects and languages.

# **BAB I**

## **PENGENALAN**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan perkara pokok yang menjadi tunjang kajian. Pertanyaan asas yang mendasari bab ini adalah seperti yang berikut: i) mengapakah dialek-dialek Melayu di hulu lembangan Sungai Pahang, hulu lembangan Sungai Terengganu dan hulu lembangan Sungai Kelantan dijadikan tumpuan kajian?; dan, ii) apakah matlamat yang ingin dicapai dengan kajian seperti ini? Jawapan kepada kedua-dua pertanyaan ini menentukan arah perbincangan mengenai masalah, matlamat dan kepentingan kajian. Turut diperkatakan dalam bab ini ialah sejarah kajian dialek di ketiga-tiga lembangan sungai.

### **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kajian ini adalah mengenai dialek-dialek Melayu di hulu tiga lembangan sungai, iaitu hulu lembangan Sungai Pahang, hulu lembangan Sungai Kelantan dan hulu lembangan Sungai Terengganu. Persoalannya ialah mengapakah dialek-dialek Melayu yang terdapat di kawasan hulu ketiga-tiga lembangan sungai yang dinyatakan? Dengan kata lain, apakah keistimewaan dialek-dialek Melayu tersebut?

Persoalan seperti ini dapat difahami dengan merungkai hubungan dialek dengan ruang terlebih dahulu.<sup>1</sup>

Memang telah menjadi fakta bahawa penyebaran dialek dan kewujudan ciri khasnya tidak dapat dipisahkan daripada ruang geografi yang dihuni oleh masyarakat penuturnya. Berbekalkan dengan fakta ini, maka kita dapat mengatakan bahawa dialek A ialah variasi yang dituturkan oleh masyarakat A<sub>1</sub>. Masyarakat A<sub>1</sub> juga merupakan penghuni sesebuah ruang, iaitu kawasan A<sub>2</sub>. Disebabkan dialek A dituturkan oleh masyarakat A<sub>1</sub> yang menghuni kawasan A<sub>2</sub>, maka dialek ini berbeza dengan dialek B yang dituturkan masyarakat B<sub>1</sub> yang tinggal di kawasan B<sub>2</sub>.<sup>2</sup>

Bayangan hubungan seperti yang diungkapkan ini mengandungi sedikit petunjuk bagi membongkar persoalan yang diutarakan dalam pembukaan bab ini. Antara petunjuk yang terpenting ialah kesignifikanan dialek hulu disebabkan ciri diagnostik yang dimiliki menyimpang daripada aturan umum.

Walau bagaimanapun, petunjuk yang kelihatan terserlah itu sebenarnya masih juga belum berupaya memberikan jawapan tuntas. Hal ini demikian disebabkan lorong yang dirintisnya masih terlalu umum. Akan tetapi, hal yang bersifat umum itu boleh sahaja dikhususkan, dan ini dapat dilakukan menerusi peneropongan dari dua sisi.

---

<sup>1</sup> Dalam dialektologi, konsep ruang lazimnya dikaitkan dengan dua dimensi ruang, iaitu ruang sosial dan ruang geografi. Penyebaran dialek dalam ruang sosial menjadi objek kajian sociolinguistik, manakala penyebaran dialek dalam ruang geografi menjadi objek kajian perbandingan dialek atau dialek geografi. Dalam kajian ini, konsep ruang hanya bermaksud penyebaran dialek dalam ruang geografi.

<sup>2</sup> Chambers dan Trudgill (1998: 5) memberikan huraian yang lebih mendalam mengenai perkara ini menerusi konsep kontinum dialek. Walaupun kaitannya bersifat tidak langsung sahaja, namun konsep kontinum dialek memang merujuk penyebaran dan persempadanan dialek dalam ruang geografi.

Sisi yang pertama bersifat sejarawi atau historis (*historical*). Sisi ini menyentuh mengenai idea yang muncul daripada pentafsiran terhadap gejala penyebaran dialek. Sisi yang kedua pula bersifat ekologis (*ecological*). Dalam hal ini, disebabkan makna ‘hulu’ ternyata lebih akrab dengan ruang geografi, maka tabii lingkungan atau persekitarannya perlulah diteliti dengan lebih lanjut.

Mengenai sisi yang pertama, prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh aliran Neolinguistika (*Neolinguistica*)<sup>3</sup> pada awal dan pertengahan tahun-tahun 1900-an dahulu di Itali wajar dijenguk kembali. Dua prinsip Neolinguistika secara ringkas menyebut (Petyt, 1980: 65-66; Chambers & Trudgill, 1998: 168):

- i. Jika terdapat dua bentuk linguistik yang berlainan, satu ditemui di kawasan pedalaman, dan yang satu lain ditemui di kawasan yang mudah dihubungi, maka bentuk yang pertama itu lebih tua.
  
- ii. Jika terdapat dua bentuk linguistik yang berlainan yang ditemui di kawasan pinggir dan di kawasan pusat, maka bentuk yang terdapat di kawasan pinggir itu lebih tua.

Prinsip i dan ii membezakan dua kawasan, iaitu kawasan pedalaman dan pinggir dengan kawasan pusat dan berkontak. Kedua-dua kawasan ini turut memiliki

---

<sup>3</sup> Neolinguistika ialah sebuah aliran pemikiran dalam linguistik yang lahir di Itali pada awal abad ke-20. Gagasan utamanya lahir menerusi karangan Bartoli dan Bertoni berjudul *Breviario de neolinguistica* yang terbit pada tahun 1925. Menurut Bonfante (1947), pegangan Neolinguistika berbeza dengan Neogrammarian dalam beberapa perkara. Salah satunya adalah tentang kewujudan hukum bunyi: Neogrammarian percaya perubahan bunyi berlaku tanpa kekecualian; Neolinguistika sebaliknya menolak hukum perubahan bunyi tanpa kekecualian atas alasan tidak bertepatan dengan kenyataan selain dibangunkan atas dasar falsafah yang lemah.



perbezaan linguistik yang tegas. Walau bagaimanapun, kewujudan perbezaan linguistik di kedua-dua kawasan sebenarnya tidaklah begitu menghairankan kita. Hal ini dikatakan demikian kerana perbezaan linguistik antara kawasan memang sesuai dengan takrif umum dialek yang bererti variasi bahasa yang boleh dicam secara tegas dan jelas.<sup>4</sup> Oleh sebab adanya perbezaan linguistik yang tegas seperti itu, maka dikatakanlah ciri linguistik di kawasan pedalaman dan pinggir lebih 'tua' berbanding dengan ciri linguistik di kawasan pusat dan berkontak yang dianggap lebih 'muda'.<sup>5</sup>

Sememangnya prinsip Neolinguistika berupaya memberikan secebis huraian mengenai kerelevanan kawasan hulu yang dijadikan kawasan kajian. Malangnya, prinsip-prinsip tersebut masih tidak dapat lari daripada beberapa pertanyaan lanjut. Dan pertanyaan tersebut berupaya menggugat kewibawaannya kerana mengandungi implikasi yang menunjukkan terdapat kelonggaran dalam analisis yang dikemukakannya. Salah satu pertanyaan yang penting ialah mengapakah kawasan pedalaman dan kawasan pinggir memperlihatkan ciri linguistik tua, dan ciri yang tua berkenaan berbeza pula dengan ciri linguistik di kawasan pusat dan kawasan berkontak yang lebih muda?

Prinsip Neolinguistika yang diutarakan di atas itu memberikan huraian yang kurang memuaskan terhadap pertanyaan ini disebabkan kedua-keduanya mengabaikan aspek sosiologi. Sehubungan dengan itu, bagi mendapatkan penjelasan yang lebih

---

<sup>4</sup> Collins (1989: xx) umpamanya mentakrifkan dialek sebagai variasi bahasa yang dapat dibezakan secara tegas dari segi fonetik, fonologi dan morfologi.

<sup>5</sup> Kata 'tua' dan 'muda' yang dipakai di sini hanya berstatus metafora. Hal ini bertujuan bagi mengungkapkan tabii ciri linguistik yang terdapat di kedua-dua kawasan berdasarkan perspektif sejarah. Dalam hal ini, kawasan 'tua' bererti kawasan yang mengekalkan (retensi) ciri bahasa purba, manakala kawasan 'muda' merujuk kawasan yang memperlihatkan perubahan (inovasi) ciri bahasa purba. Dengan kata lain, kawasan 'tua' bererti konservatif, sedangkan kawasan 'muda' bererti inovatif.

memuaskan, kita perlu melihat sisi yang kedua, iaitu sisi yang membongkar tabii kawasan pedalaman dan pinggir. Huraian mengenai sisi yang kedua ini memerlukan sociolinguistik sebagai landasan. Hal ini dikatakan demikian kerana sisi ekologi bukan sahaja melibatkan lokasi sesebuah kawasan, malah turut mempertimbang keadaan masyarakat yang menghuninya.

Landasan sociolinguistik yang dimaksudkan ialah wawasan yang terkandung dalam tipologi sociolinguistik sebagaimana yang diutarakan oleh Peter Trudgill (2011). Menurut Trudgill (2011: viii), tipologi sociolinguistik ialah:

*“ ... a form of linguistic typology which is sociolinguistically informed, asks sociolinguistically question, and tries to supply sociolinguistically answers.”*

Trudgill (2011: xv) menganggap tipologi sociolinguistik membekalkan jawapan alternatif kepada pertanyaan rumit Dixonian, iaitu *“why is each language the way it is?”* (Dixon, 2010: 14). Mengenai pertanyaan ini, Dixon berpandangan bahawa memang sudah menjadi tugas teori linguistik untuk menjawabnya, walaupun usaha ke arah itu terlalu sukar disebabkan masalah pemerian bahasa-bahasa dunia yang masih sedikit jika dibandingkan dengan jumlah bahasa yang ada.

Dengan tipologi sociolinguistik, begitu Trudgill percaya, maka sebahagiannya ada membekalkan jawapan bernuansa sosiologis (*sociological*) kepada pertanyaan yang tidak berupaya ditangani oleh prinsip Neolinguistika. Antara pertanyaan yang berupaya dijawab olehnya adalah mengenai sebab kawasan pedalaman dan kawasan pinggir memiliki ciri linguistik yang berbeza dengan ciri linguistik di kawasan pusat

dan kawasan berkontak. Untuk itu, Trudgill (2011: 2) menegaskan, kewujudan ciri tua dan muda perlu difahami menerusi kepantasan perubahan bahasa, iaitu:

- i. Perubahan bahasa terjadi dengan kadar yang berbeza dalam setiap tahap struktur bahasa.
- ii. Sambil perubahan linguistik memberi kesan kepada semua bahasa, ternyata kesannya lebih jelas dalam sesebuah variasi berbanding dengan variasi lainnya. Dengan kata yang lebih mudah, kadar perubahan bahasa berbeza antara satu bahasa dengan bahasa yang lain.
- iii. Kadar perubahan bahasa turut berbeza dari segi kronologi.

Ketiga-tiga parameter perubahan bahasa ini secara jelas menyatakan perihal ketidaksamaan kadar perubahan linguistik dalam sesebuah bahasa dan dialek. Oleh sebab itu terdapat bahasa dan dialek yang berubah lebih cepat berbanding dengan bahasa dan dialek yang lain. Ringkasnya, setiap bahasa dan dialek berevolusi secara berasingan dengan masing-masing mengambil trajektori yang tersendiri. Yakov Malkiel (1967), salah seorang ahli dialektologi bahasa Yiddish, mengungkapkan hal ini dengan bergaya melalui judul makalah beliau, iaitu “*every words has its own history.*”

Kita perlu berbalik kepada persoalan yang asal. Dengan menggunakan ketiga-tiga parameter yang diberikan oleh Trudgill (2011) itu, maka dapat dikatakan bahawa ciri linguistik di kawasan pedalaman dan pinggir lebih lambat berubah. Hal ini lantas

menyebabkan ciri linguistik di kawasan tersebut kelihatan lebih tua. Keadaan seperti ini berbeza dengan keadaan di kawasan pusat dan kawasan berkontak. Ciri linguistik di kawasan tersebut berubah dengan kadar yang lebih cepat.

Walau bagaimanapun, parameter dan huraian di atas itu masih belum juga memberikan jawapan terhadap keseluruhan isu. Memang diakui kadar perubahan bahasa dan dialek berbeza-beza. Akan tetapi, pokok persoalannya ialah mengapakah perubahannya berbeza-beza? Hal ini menuntut kita untuk kembali semula kepada Trudgill. Menurut Trudgill (2011: 2), faktor geografi dan sosial “... *can be strongly involved in determining or influencing the speed of linguistic change.*” Soalnya, apakah faktor-faktor tersebut?

Faktor geografi dan sosial yang dimaksudkan oleh Trudgill boleh disukat menerusi neraca ini, iaitu: kawasan pinggir dan pedalaman lazimnya memiliki ciri-ciri masyarakat yang kecil jumlah anggotanya, tetapi kondisinya lebih stabil. Jumlah anggota yang kecil dan kestabilan yang dimiliki menyebabkan para anggotanya boleh saling mengenal, maka mereka berupaya membina rangkaian sosial yang kompleks sebagai tanda keakraban. Rangkaian sosial yang akrab dan kompleks membolehkan para anggotanya berkongsi maklumat dengan lebih bebas. Dengan kata lain, semakin akrab hubungan sesama anggota masyarakat, semakin hilang kekekakan berkomunikasi.

Faktor geografi dan sosial membayangi gejala perubahan dan pengejalan ciri bahasa dan dialek. Boleh jadi gejalanya ialah kekompleksan (*complexification*) dan boleh jadi juga adalah sebaliknya, yakni pemudahan (*simplification*). Kekompleksan dan

pemudahan sistem linguistik lazimnya merujuk proses pentatabahasaan (*grammaticalization*) yang terjadi pada tahap leksikal dan kategori-kategori nahu. Proses pentatabahasaan menghasilkan kategori dan fungsi nahu yang baharu dengan menambah dan/atau menggantikan yang asal (Hopper & Traugott, 2003).<sup>6</sup> Walau bagaimanapun, kekompleksan dan kemudahan boleh juga merujuk gejala fonologi. Menurut Blevins (2008), kompleks atau tidak sesuatu gejala fonologi dirujuk dengan metafora tertentu, umpamanya aneh lawan tidak aneh, atau alamiah lawan tidak alamiah.<sup>7</sup>

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Dengan meminjam kedua-dua istilah di atas, maka kajian ini dirangka secara khusus bagi meneliti gejala kekompleksan dan kemudahan sistem linguistik dialek-dialek Melayu hulu di Semenanjung Timur dengan tumpuan hanya pada aspek fonologi.

Sesuatu gejala fonologi dikatakan aneh apabila ciri berkenaan mengalami gejala kekompleksan. Ciri fonologi yang tidak aneh pula merupakan ciri yang menunjukkan gejala sebaliknya, yakni kemudahan. Dengan kata lain, ciri aneh membawa pengertian gejala fonologinya menyimpang daripada aturan atau rumus fonologi

---

<sup>6</sup> Maksud 'baharu' di sini merujuk dua keadaan iaitu: i) pewujudan kategori dan fungsi nahu yang benar-benar baharu yang sebelumnya tidak ada; dan, ii) peminjaman kategori dan fungsi nahu daripada bahasa-bahasa lain, sama ada kategori dan fungsi nahu berkenaan menggantikan terus kategori dan fungsi nahu sedia ada, atau terjadinya pembauran antara kategori dan fungsi nahu yang dipinjam dengan yang sedia ada, lantas menambah kategori dan fungsi nahu dalam sesebuah bahasa. Keadaan kedua yang ini lazimnya terjadi dalam bahasa-bahasa yang berkontak.

<sup>7</sup> Memang metafora ini sarat dengan nuansa kesubjektifan yang membayangkan betapa kaburnya kayu ukur untuk menilai gejalanya. Dengan kata lain, mungkin gejalanya aneh pada seseorang penyelidik, tetapi tidak demikian kepada penyelidik lain. Walau bagaimanapun, nuansa subjektif menjadi sedikit berkurangan apabila asas perbandingan kedua-dua gejala ditetapkan dengan mengambil kira pola perubahan bunyi yang umum, iaitu yang terjadi dalam bahasa atau dialek purba yang telah direkonstruksi, dan yang khusus, iaitu yang terjadi dalam dialek-dialek semasa.

yang am. Ciri linguistik yang tidak aneh pula adalah sebaliknya, yakni mematuhi aturan atau rumus fonologi am. Pengaruh yang memunculkan gejala kekompleksan dan pemudahan ciri fonologi dalam sesebuah dialek bergantung kepada keadaan ruang (geografi dan sosial) yang dihuni oleh para penuturnya.<sup>8</sup>

Walau bagaimanapun, terdapat satu fakta yang jelas menunjukkan bahawa gejala linguistik bersistem kompleks, konservatif dan aneh sering muncul dalam masyarakat berparameter tipologi sosiolinguistik pedalaman, kecil dan memiliki rangkaian sosial yang akrab. Hal ini berbeza dengan masyarakat bahasa yang memiliki parameter tipologi sosiolinguistik yang sebaliknya. Dalam masyarakat di pekan umpamanya, gejala pemudahanlah selalunya yang akan mengambil tempat.

Kawasan hulu boleh dipadankan dengan ciri masyarakat bahasa yang memiliki gejala linguistik yang kompleks kerana mematuhi parameter tipologi sosiolinguistik. Berhubung dengan perkara ini, kawasan hulu (i) lazimnya terletak di kawasan pedalaman. Dengan kedudukan geografi yang sedemikian rupa, maka (ii) kawasan ini sukar dihubungi. Masalah perhubungan menyebabkan (iii) kontak dengan masyarakat luar turut terbatas. Kesan i–iii adalah terhadap gejala linguistik di kawasan hulu yang telah menjadikannya lebih kompleks dan aneh.

---

<sup>8</sup> Menurut Dixon (2010), ruang berupaya menjadi faktor yang mempengaruhi pembentukan sistem linguistik. Bahasa Sami yang dituturkan di utara Eropah boleh menjadi contoh. Dari segi leksikal, penutur bahasa Sami memiliki sekelompok perkataan yang memperinci tabii salji yang tidak ada dalam bahasa-bahasa di Afrika. Dari segi nahu pula, kewujudan kategori dan fungsi nahu tertentu, umpamanya petunjuk (*direction*), atau arah mata angin, dalam beberapa bahasa peribumi Australia, jelas dipengaruhi oleh persekitaran fizikal yang dihuni oleh para penuturnya.

Pemadanan parameter tipologi sosiolinguistik yang memunculkan panorama kekompleksan linguistik di kawasan hulu dapat disahkan secara impresionistik menerusi kecenderungan masyarakat awam yang sering menggunakan gelaran seperti “*bahasa lama*”, “*caka? ulu*” dan “*loya? ulu*” kepada masyarakat yang tinggal di kawasan hulu. Keadaan ini terjadi disebabkan pertuturan masyarakat hulu sukar difahami, sekurang-kurangnya buat penghuni di kawasan hilir atau di kawasan bandar.

Maka, kita memperoleh sedikit bayangan mengenai gejala linguistik di kawasan hulu, iaitu kompleks dan aneh. Persoalannya, apakah makna semua ini? Bagaimanakah kompleks dan aneh gejala linguistik di kawasan hulu?

Sekali lagi Trudgill boleh menuntun pemerhatian kita. Menurut Trudgill (2011: 95), kekompleksan sistem linguistik sesebuah bahasa atau dialek boleh disukat menggunakan mekanisme ketidaknalaran (*irregularity*). Sebagai salah satu proses yang terbit daripada proses yang lebih umum, iaitu pentatabahasaan, ketidaknalaran lazimnya merujuk proses yang melibatkan aspek morfologi dan sintaksis seperti yang sering dikemukakan oleh ahli linguistik tipologi. Walau bagaimanapun, Trudgill (2004, 2011) menegaskan bahawa proses ketidaknalaran turut terjadi dalam aspek fonologi.

Kita perlu menoleh kepada abad ke-19 untuk memahami mekanisme ketidaknalaran. Pada abad tersebut terdapat sekelompok ahli bahasa di Leipzig yang dikenali sebagai Neogrammarian (*Junggrammatiker*) buat kali pertama mengutarakan hipotesis perubahan bunyi yang akrab dengan makna nalar-tak nalar.

Hipotesis Neogrammarian menyatakan perubahan bunyi berlaku tanpa kekecualian (Hock, 1986: 34-35). Dengan kata lain, perubahan bunyi sentiasa nalar (*regular*). Hipotesis ini kemudian disanggah Georg Wenker menerusi gejala Kekipas Rhine (Bynon, 1994) dan Schuchardt (Sueren, 1998: 95-98). Hal yang ditekankan kedua-dua penyanggah ini ialah perubahan bunyi selalu dikekang oleh kekecualian disebabkan sifat heterogen bahasa dan penuturnya. Kita boleh sahaja menggelarkan perkara ini sebagai hipotesis ketidaknalaran bunyi.

Terdapat banyak perubahan bunyi yang mematuhi hipotesis ketidaknalaran bunyi dalam bahasa-bahasa dunia. Antaranya, gejala yang digelar oleh Andersen (1988: 70) sebagai penguatan konsonan tanpa rangsangan (*unprovoked fortition*) dalam bahasa-bahasa di Eropah daratan (Eropah Kontinental). Selain itu, perubahan deretan konsonan \*dr menjadi konsonan k<sup>h</sup> dalam bahasa Drehet, perubahan konsonan \*g kepada dua konsonan dalam posisi tertentu, iaitu sebagai p di awal dan akhir kata serta sebagai j di antara vokal, dan penyatuan separuh vokal \*w dan \*y kepada p di posisi akhir kata di Barat Manus. Perubahan seperti ini ada dibincangkan dengan mendalam oleh Blust (2005, 2009).

Ciri yang wujud di kawasan pedalaman diandaikan mengalami gejala ketidaknalaran. Hal ini disebabkan keadaan fizikal dan masyarakatnya mematuhi tipologi sosiolinguistik. Sehubungan dengan itu, jikalau kawasan hulu di bahagian timur Semenanjung Malaysia turut mematuhi tipologi sosiolinguistik sama seperti kawasan lain yang mematuhinya, dan kita tentu pasti akan pematuhan ini, bermakna gejala linguistiknya ialah kekompleksan.



Sekiranya hal ini benar, maka terdapat dua persoalan menuntut penyelesaian, iaitu:

- i. Jika benar dialek Melayu hulu di bahagian timur Semenanjung Malaysia memperlihatkan ciri kompleks dan aneh, adakah ciri berkenaan dimiliki bersama dialek-dialek tersebut?
- ii. Mungkinkah dialek-dialek Melayu di kawasan hulu Semenanjung Malaysia boleh dikelompokkan di bawah cabang yang sama?

Terdapat beberapa pewajaran linguistik dan sejarah yang mendasari kedua-dua persoalan ini.

Pertama, kewujudan ciri fonologi yang unik di Hulu Terengganu (Collins, 1983a, 1996), Hulu Tembeling (Collins, 1998a, 2016a; Mohd Tarmizi, et al. 2013; Norshahila, 2013) dan di Pulau Tioman (Collins, 1985). Dialek Melayu Hulu Terengganu dan dialek Melayu Hulu Tembeling memperlihatkan gejala perubahan fonologi yang serupa. Ciri tersebut ialah pengekatan vokal tinggi bahasa Melayu purba di posisi suku kata awal dan pendiftongan lanjutan. Ciri ini membolehkan kedua-duanya dikelompokkan di bawah cabang yang sama (Mohd Tarmizi, et al., 2013; Collins, 2016a). Jika penemuan ini sah dan terbukti secara empiris, maka kita boleh membuat andaian bahawa semua dialek Melayu yang terletak di kawasan hulu pun turut memperlihatkan gejala perubahan fonologi yang serupa lantas, berhubungan erat antara satu sama lain.

Kedua, rekod sejarah menunjukkan wujud kontak antara penduduk yang menghuni di semua kawasan-kawasan hulu di Semenanjung Timur. Kita boleh mengambil beberapa contoh di sini. Kontak atau pertembungan antara penduduk Hulu Dungun (iaitu Kampung Pasir Raja) dan Hulu Terengganu (iaitu Kuala Berang dan kampung-kampung sekitarnya) dengan penduduk Hulu Tembeling.<sup>9</sup> Selain itu, kontak mungkin turut terjadi antara para penduduk Hulu Jelai (Kampung Serau dan Kuala Medang antaranya) dengan penduduk Hulu Perak (tidak dapat dipastikan di kawasan mana) dengan penduduk Hulu Kelantan (terutamanya para penduduk di bahagian hulu Sungai Nenggiri) (Buyong, 1972).<sup>10</sup> Kontak yang sebegini mungkin meninggalkan jejak linguistik yang signifikan dan seterusnya dapat memimpin kita ke arah rekonstruksi sejarah dialek Melayu di kawasan hulu.

Kedua-dua bukti yang diberikan di atas masih belum berupaya menjawab persoalan mengenai kompleks lawan mudah yang diandaikan terjadi dalam dialek-dialek di kawasan hulu. Hal ini dikatakan demikian disebabkan bukti tersebut sangat lemah. Salah satu kelemahannya ialah gambaran yang berupaya ditampilkannya tidak menyeluruh.

Walaupun hubungan dialek Melayu Hulu Terengganu dengan dialek Melayu Hulu Tembeling ada diberikan landasan empiris, namun data yang dipakai masih jauh

---


<sup>9</sup> Semasa melakukan kajian lapangan pada tahun 2012, pengkaji pernah diberitahu oleh penduduk di Hulu Tembeling bahawa leluhur mereka sering berulang alik dari Hulu Tembeling ke Hulu Terengganu. Kata mereka, kalau memudiki Sungai Tembeling pada waktu pagi, pada sebelah petang mereka sudah boleh bermain bola di Pasir Raja, Dungun.

<sup>10</sup> Informan yang ditemui pada tahun 2009 di Kampung Serau, iaitu kampung Melayu yang terletak di kawasan paling hulu di lembangan sungai di Hulu Pahang, menyatakan bahawa keturunannya berasal dari Hulu Perak. Selain itu, informan di Hulu Kelantan, iaitu di Kuala Betis, turut menegaskan hal yang serupa. Mereka pernah berulang alik dari Kuala Betis ke Hulu Jelai; bahkan ada penduduk di Kuala Betis yang berasal dari Kuala Medang di Hulu Pahang.

daripada mencukupi. Kesannya ialah analisis perbandingan bagi kedua-dua dialek Melayu tersebut hanya tertumpu pada satu atau dua ciri linguistik, misalnya pengekatan vokal purba dan inovasi dalam gejala pendiftongan (Collins, 1983a, 1998, 2016a; Mohd Tarmizi et al., 2013). Selain itu, perbandingan yang hanya melibatkan dua dialek Melayu tidak menjadikan generalisasinya sah dipakai kepada dialek lain. Generalisasi tersebut hanya benar bagi kedua-dua dialek yang dibandingkan.

Penelitian dialek Melayu hulu dan pengelompokannya memerlukan perspektif yang lebih luas dan mengandungi landasan empiris yang lebih teguh. Maka, daripada membandingkan ciri linguistik satu atau dua dialek Melayu sebaik-sebaiknya semua dialek Melayu hulu dibandingkan secara bersama. Terdapat dua pertimbangan yang perlu diberi perhatian hal ini dikerjakan.

Pertama, semua dialek Melayu hulu memiliki inovasi fonologi khas yang memisahkannya daripada bahasa Melayu purba sebelum dialek-dialek Melayu tersebut berinovasi semula bagi membentuk cabang-cabang yang tersendiri. Perkembangan ini mungkin memperlihatkan hubungan yang akrab antara dua atau lebih dialek Melayu hulu berbanding dengan dialek Melayu hulu lain. Kedua, semua dialek Melayu hulu terpisah daripada bahasa Melayu purba dan masing-masingnya mengalami perkembangan tersendiri. Kita boleh melakarkan kedua-dua pertimbangan ini dalam rajah pohon di bawah.



Rajah 1.1: Andaian mengenai hubungan dialek-dialek Melayu hulu Semenanjung Timur

Pemecahan yang digambarkan dalam Rajah 1.1 (a) dan Rajah 1.1 (b) muncul disebabkan oleh sesuatu hal yang terjadi dalam sistem linguistik dialek-dialek Melayu hulu yang telah mengubah dan mengekal ciri linguistiknya. Berubah atau tidak sistem linguistik dialek-dialek Melayu hulu boleh dilihat menerusi dua tahap, iaitu tahap menegak (hubungan dialek-dialek Melayu hulu dengan bahasa Melayu purba) dan tahap mendatar (hubungan antara dialek-dialek Melayu hulu). Kedua-dua tahap ini bermakna hubungan dialek-dialek Melayu hulu dilihat dari perspektif sinkronik (mendatar) dan diakronik (menegak).

Perbincangan yang agak panjang lebar ini menunjukkan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian khusus. Pertama, rajah di atas menunjukkan hubungan dialek-dialek Melayu di kawasan hulu. Rajah ini membayangkan setiap dialek Melayu hulu mempunyai identiti tersendiri dari segi sistem fonologi. Kedua, hubungan yang dibayangkan ini juga menyiratkan satu andaian, yakni semua dialek Melayu hulu berkembang daripada satu dialek induk yang sudah tidak lagi dituturkan tetapi fosilnya masih wujud dalam dialek-dialek semasa. Ketiga, disebabkan kawasan hulu

mematuhi tipologi sosiolinguistik, maka kita mengatakan dialek-dialeknya konservatif berbanding dengan dialek hilir. Isunya ialah bagaimana konservatifnya dialek-dialek tersebut?

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan ketiga-tiga perkara yang dinyatakan di atas, maka objektif kajian ini adalah untuk:

- i. memerikan sistem fonologi dialek-dialek Melayu hulu di bahagian timur Semenanjung Malaysia;
- ii. merekonstruksi sistem fonologi dialek Melayu induk yang menurunkan dialek-dialek Melayu hulu sebagai asas bagi menelusuri perkembangan fonologi dalam i;
- iii. menjelaskan proses fonologi dialek-dialek Melayu hulu;
- iv. menentukan persamaan dan perbezaan ciri fonologi dialek-dialek Melayu hulu dan penentuan ini melibatkan ciri yang berinovasi dan ciri yang diretensi; dan,
- v. mengadakan pengelompokan yang baharu bagi dialek-dialek Melayu hulu berdasarkan persamaan dan perbezaan ciri fonologi yang disebutkan dalam iv.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Objektif kajian yang diberikan di atas akan dijawab berdasarkan persoalan-persoalan di bawah:

- i. Bagaimanakah bentuk sistem fonologi dialek-dialek Melayu hulu di bahagian timur Semenanjung Malaysia?
- ii. Bagaimanakah bentuk sistem fonologi dialek Melayu hulu purba yang menurunkan dialek-dialek Melayu hulu semasa?
- iii. Bagaimanakah proses dan perubahan bunyi yang terjadi kepada dialek-dialek Melayu hulu yang diturunkan daripada dialek Melayu hulu purba sehingga memunculkan bentuk semasanya?
- iv. Apakah persamaan dan perbezaan proses fonologi antara dialek-dialek Melayu hulu?
- v. Adakah dialek-dialek Melayu hulu di Semenanjung Timur boleh membentuk cabang tersendiri dalam salasilah dialek Melayu? Jika ada, bagaimanakah kewujudan cabang itu dibuktikan?

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Terdapat dua area yang begitu terasa kepentingannya jikalau objektif kajian yang diberikan di atas berjaya dipenuhi, iaitu:

- i. Pembangunan negara dan bahasa Melayu

Buat masyarakat awam atau masyarakat di hulu, istilah hulu yang dikaitkan dengan sistem linguistik selalu membawa konotasi negatif, iaitu bahasa atau dialek yang tidak atau kurang difahami. Konotasi sebegini memberi kesan kepada pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Hal ini begitu jelas terutama jika dikotomi hulu-hilir muncul dalam pemikiran para guru Bahasa Melayu, dan guru ini pula dihantar bertugas ke kawasan-kawasan hulu, umpamanya Sekolah Kebangsaan Gusai di Hulu Tembeling.

Jadi, isunya di sini ialah memposisikan makna hulu-hilir dengan nuansa yang lebih bermanfaat kepada pendidikan para murid. Untuk memastikannya terlaksana, caranya tiada lain daripada menghapuskan dikotomi hulu-hilir yang mengandungi konotasi negatif dan positif itu. Persoalannya ialah bagaimanakah caranya? Salah satunya adalah dengan memerikan ciri dialek-dialek di kawasan hulu dan membandingkannya dengan dialek-dialek di kawasan hilir.

Dengan pemerian dan perbandingan sebegini kita dapat melihat gejala linguistik yang berantai. Hal ini dikatakan demikian disebabkan gejala

dialektal itu tiada lain daripada suatu rantaian yang sambung-menyambung. Demikianlah kalau kita meminjam Labov yang mengemukakan konsep “*chain shift*” (Labov, 1994). Maklumat ini perlu diketahui oleh semua guru Bahasa Melayu (dan guru-guru lain juga) agar kecenderungan yang memandang sepi (jika ada) terhadap budaya dan bahasa masyarakat di kawasan hulu dapat dihapuskan, sebagaimana yang pernah dahulu dicadangkan oleh Collins (1989).

Selain itu, debat mengenai bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan kemudiannya debat mengenai dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) acap kali menghukum bahasa Melayu sebagai sebuah bahasa yang tiada berdaya menjadi bahasa ilmu dan bahasa komunikasi ilmu.

Alasan yang selalu diulang ialah terlalu banyak perkataan pinjaman dalam bahasa Melayu. Hal ini lantas menimbulkan ejekan bahawa bahasa Melayu hanya ada empat kata asli, iaitu babi, padi, besi dan beras. Gejala peminjaman membayangkan bahasa Melayu tidak cukup istilah bagi menampung konsep keilmuan semasa. Barangkali hukuman terhadap bahasa Melayu ini ada kebenarannya. Lihat sahaja kamus muktabar bahasa Melayu di Malaysia, iaitu *Kamus Dewan* terutama edisi yang keempat, tidak sukar kita menemui istilah pinjaman walaupun melihatnya secercah mata.

Hal ini bukanlah bermaksud melemahkan sumbangan *Kamus Dewan*. Yang cuba dibangkitkan ialah kajian dialek boleh membantu kita menyelesaikan



masalah kekurangan istilah bahasa Melayu. Lama dahulu Leonard Bloomfield menyatakan bahawa salah satu matlamat dalam kajian dialek ialah penulisan kamus dialek atau pengumpulan kosa kata dialek (Bloomfield, 1935: 321-321).

Kajian dialek Melayu yang salah satu gerak kerjanya mengumpulkan kosa kata dialek,<sup>11</sup> sama ada menerusi pengumpulan data naratif atau daftar kata, berupaya membekalkan kosa kata asli bahasa Melayu yang mungkin boleh dipadankan dengan konsep-konsep keilmuan semasa. Walaupun padanan itu tidaklah 100% menyamai konsep yang terkandung dalam istilah yang asal,<sup>12</sup> tetapi ketidaksamaan adalah satu kelebihan kerana konsep yang didukung oleh istilah watan boleh menjadi alat kritikan yang berdaya menginovasikan sesebuah ilmu semasa.<sup>13</sup>

## ii. Dialektologi dan linguistik Melayu

Banyak gejala dialek Melayu mulai jelas kepada kita. Begitu kesimpulan yang akan kita peroleh apabila kita membaca teks syarahan Collins (2007). Salah satu gejala yang sudah menjadi jelas ialah pemecahan fonemik vokal tinggi bahasa Melayu purba yang pernah menjadi polemik senyap suatu

---

<sup>11</sup> Setakat ini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan beberapa glosari dialek Melayu Semenanjung, iaitu: Glosari dialek Melayu Kedah, dialek Melayu Pahang, dialek Melayu Kelantan, dialek Melayu Perak, dialek Melayu Pulau Pinang, dialek Melayu Melaka, dialek Melayu Negeri Sembilan, dialek Melayu Terengganu dan dialek Melayu Johor.

<sup>12</sup> Hal ini selaras dengan idea kenisbian linguistik bahawa makna perkataan dalam sesebuah bahasa tidak sepersis perkataan dalam bahasa lain kerana dimensi semantik perkataan berkenaan dibaluti oleh pandangan dunia (*worldview*).

<sup>13</sup> Shaharir (2010) misalnya mengkritik teori dan ilmu kepimpinan dan kepengurusan Barat. Beliau membangunkan premis kritikan menerusi penelusuran etimologi kata '*lead*' dan '*manage*' dan membandingkannya dengan etimologi kata 'pimpin' dan 'urus'.

ketika dahulu antara Asmah, Collins dan Adelaar. Namun begitu, isu mengenainya timbul semula apabila di kawasan hulu, iaitu Hulu Terengganu, ditemui vokal /i/ dan /u/ dalam suku kata praakhir (Collins, 1983a).

Teori yang dikemukakan oleh Asmah itu (Asmah, 1991, 1995a, 2008a), yang berasaskan pada gejala inovasi, namun apabila dikenakan kepada dialek Melayu Hulu Terengganu, menjadikan penjelasan mengenai kewujudan vokal /i/ dan /u/ dalam suku kata praakhir itu terlalu rumit (Collins, 1983a: 24). Bagi Collins, terdapat penjelasan lain yang tidak begitu rumit, iaitu kedua-dua vokal tinggi di Hulu Terengganu itu sepatutnya dianggap sebagai retensi (Collins, 1983a: 24-30). Dengan retensi di Hulu Terengganu, maka rekonstruksi bahasa purba yang dilakukan oleh Asmah berubah daripada enam vokal (Asmah, 1991: 12, 2008a: 421) kepada empat vokal (Collins, 1983a; Adelaar, 1992: 32).

Contoh di atas tidak menjadikan teori Asmah perlu diperbaik keseluruhannya. Diperbaik ataupun tidak bukan isu yang perlu dibincangkan. Isu yang menjadi tumpuan di sini lebih asasi daripada sekadar perbezaan tafsiran, iaitu teori-teori sedia ada perlu diuji secara empiris dengan data daripada semua dialek Melayu. Jadi, kegiatan pemerian dialek Melayu perlu dirancarkan terlebih dahulu sebelum kita menjana atau mencadangkan generalisasi umum.

## **1.6 BATASAN KAJIAN**

Bahagian 1.2 menyebut fokus kajian ini adalah terhadap aspek fonologi. Pembatasan seperti ini perlu dilakukan kerana perubahan bahasa yang paling pantas terjadi pada tahap fonem (Asmah, 2008a). Oleh sebab itu, analisis terhadapnya berupaya menyerlahkan keunikan sesebuah dialek. Selain itu, dalam situasi dialek berkontak, peniruan bunyi yang paling mudah dan kerap terjadi (Trudgill, 1986). Daripada dua pewajaran ringkas ini, maka dapatlah disimpulkan bahawa tahap fonetik dan fonologi ialah elemen linguistik yang paling lentur dan paling mudah berubah. Sehubungan dengan itu, menjadikan gejala fonetik dan fonologi sebagai aspek perubahan dialek yang dikaji memang merupakan sesuatu yang kena pada tempatnya.

Dua pembatasan yang lain melibatkan jumlah kampung yang dikunjungi dan jumlah informan. Pembatasan ini perlu dibuat disebabkan kekangan masa dan kewangan. Dalam hal ini, tidak semua kampung dikunjungi, tetapi hanya kampung-kampung yang disenaraikan dalam Jadual 3.1 dalam Bab 3. Begitu juga dengan informan yang tidak melibatkan semua penduduk kerana hanya 24 orang (enam orang setiap kawasan) yang ditemu bual. Walaupun jumlah kampung dan informan tidak melibatkan keseluruhan kampung dan populasi, namun jumlah tersebut tetap dianggap representatif kerana pemilihannya didasari oleh pertimbangan darjah kepekatan dialek yang dituturkan selain kualiti maklumat linguistik yang dibekalkan.

## **1.7 SOROTAN KAJIAN**

Huraian yang dipaparkan dalam bahagian-bahagian sebelum ini menekankan isu yang berkait dengan gejala dialek dalam dua buah kawasan yang terpisah secara geografi dan linguistik. Sehubungan dengan itu, sorotan di sini juga harus dibuat atas pertimbangan yang sama. Sorotan ini melibatkan kajian-kajian yang dibuat para pengkaji dalam dan luar negara berdasarkan dua tema umum, iaitu kajian-kajian yang menelusuri isu dan permasalahan yang serupa, selain kajian-kajian yang mengkaji dialek Melayu di ketiga-tiga lembangan sungai.

### **1.7.1 Gejala Umum Inovatif dan Konservatif**

Untuk sorotan subbahagian ini rasanya elok dimulakan dengan kajian Georg Wenker pada akhir abad ke-19 di Jerman. Sorotan tentang Wenker ini dibuat berdasarkan rumusan daripada Bynon (1994).

Wenker dikatakan bermula dengan meragukan hipotesis Neogrammarian mengenai kenalaran bunyi. Hipotesis tersebut, baginya, perlu diuji secara empiris. Dengan kata lain, hipotesis Neogrammarian perlu diuji menggunakan data bahasa yang hidup. Untuk menterjemahkan keraguannya itu, Wenker menjalankan penyelidikan berskala besar merangkumi hampir keseluruhan wilayah Jerman.

Wenker berpendapat bahawa jika hipotesis Neogrammarian benar, maka isoglos yang memisahkan bahasa Jerman selatan dengan bahasa Jerman timur dapat ditentukan dengan mudah (Bynon, 1994: 182). Yang menariknya, penemuan Wenker

ternyata bertentangan dengan hipotesis Neogrammarian. Hal ini dapat difahami daripada gejala dialektal di lembangan sungai Rhine. Dalam tradisi dialektologi, gejala di lembangan sungai tersebut lebih dikenali sebagai Kekipas Rhine.

Kekipas Rhine memaparkan gejala dialek yang secara samar-samar membayangkan hubungan kawasan pusat-kawasan pinggir, dengan pusat = rencam dan inovatif, manakala pinggir = sekata atau konservatif. Menurut Chambers & Trudgill (1998: 92), Kekipas Rhine yang pada mulanya sekata, dalam pengertian hanya memisahkan kawasan-kawasan dialek dengan satu atau dua ciri yang distingtif (maka, mematuhi hipotesis kenalaran bunyi), tiba-tiba berubah dan menjadikan isoglosnya mengikut alur masing-masing seperti bilah-bilah kipas.

Gejala Kekipas Rhine mempunyai signifikan yang tersendiri. Antaranya, bagi membuktikan betapa mustahil menetapkan sempadan tegas yang memisahkan dialek Jerman tinggi (selatan) dengan dialek Jerman rendah (timur), selain menjadi bukti bahawa dialek Jerman tinggi lebih rencam dan inovatif berbanding dengan dialek Jerman rendah yang konservatif.

Kerencaman dan keinovatifan yang diperlihat oleh dialek Jerman tinggi dikaitkan dengan pusat budaya kerana “ ... kepelbagaian paduan ciri-ciri dialek yang menakjubkan, sudah diterima sebagai satu pola lazim bagi mana-mana kawasan yang mempunyai sejarah kependudukan yang lama” (Chambers & Trudgill, 1998: 93). Menurut Chambers dan Trudgill (1998: 93), bentuk kartograf yang rencam seperti Kekipas Rhine menyamai prinsip yang dikemukakan Edward Sapir mengenai *heimat*